

13 MAY 1997

MAHATHIR SAKSI PERJANJIAN PENAJA JAMIN BAKUN

KUALA LUMPUR, 13 Mei (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menyaksikan majlis menandatangani perjanjian penaja jamin antara Bakun Hydro-Electric Corporation Berhad (BHEC) dan konsortium penaja jamin bagi pembinaan loji tenaga hidro-elektrik berharga RM13.6 bilion di Sarawak, di sini.

Sebelum itu, Perdana Menteri melancarkan logo korporat BHEC.

Yang turut hadir pada majlis yang berlangsung di Pusat Dagangan Dunia Putra ialah Menteri Tenaga, Telekom dan Pos Datuk Leo Moggie dan pengerusi eksekutif BHEC Tan Sri Ting Pek Khiing.

Kerja-kerja di projek itu bermula Oktober lepas dengan tarikh pelaksanaan operasi dan tarikh pelaksanaan komersial selewat-lewatnya pada 31 Okt, 2002 dan 31 Ogos, 2003.

Loji itu akan mempunyai keupayaan menjana 2,520 megawatt elektrik di Sarawak dan mempunyai sistem penghantaran elektrik terdiri daripada kira-kira 670km talian atas HVDC di Sarawak dan kira-kira 670km kabel dasar laut yang bersambung dengan sistem penghantaran Tenaga Nasional Berhad di Semenanjung.

Ekran Berhad, syarikat milik Ting, akan memegang 32 peratus ekuiti dalam BHEC, menjadikannya pemegang saham terbesar. Kerajaan negeri Sarawak akan memegang 19 peratus saham, Perbadanan Bekalan Elektrik Sarawak sebanyak sembilan peratus dan Tenaga Nasional, kerajaan Malaysia menerusi Khazanah Nasional Bhd dan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja masing-masing lima peratus.

Daripada baki 25 peratus, 15 peratus diperuntukkan kepada rakyat Malaysia dan 10 peratus kepada institusi tempatan dan asing.

BHEC, yang akan disenaraikan pada papan utama Bursa Saham Kuala Lumpur, akan mengeluarkan terbitan awam baru sebanyak 375,000,000 saham biasa pada harga RM1 dengan harga terbitan RM2 setiap saham.

-- BERNAMA

ES AHH